

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	SOP hadapi banjir besar dirangka - Najib	Bernama.com
2	Malaysia pandang serius ancaman keganasan - Najib	Bernama.com
3	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan sehingga esok	Bernama.com
4	APMM tingkat risikan di Miri dan Lawas, 'Lokasi panas' penyeludupan di Sarawak	Bernama.com
5	Pelan jangka sederhana, panjang tangani banjir dimuktamad dalam RMK-11 - Ahmad Maslan	Bernama.com
6	Gempa bumi sederhana di Sumatera utara, Indonesia	Bernama.com
7	Niaga hadapi MSM dalam dagangan aktif minggu depan	Bernama.com
8	Polis kesan daun khat kini diseludup ke Malaysia	Bernama.com
9	Mahkamah Persekutuan akan keluar notis keputusan rayuan kes liwat anwar	Bernama.com

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **SOP Hadapi Banjir Besar Dirangka - Najib**



PEKAN, 10 Jan (Bernama) -- Prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi banjir besar akan dirangka sebagai garis panduan dan dijangka dibentangkan pada Kabinet dalam tempoh enam bulan lagi, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata SOP itu nanti akan mencakupi pelbagai aspek termasuk penambahan aset, arahan dan kawalan, peralatan komunikasi, latihan simulasi, kaji cuaca dan bekalan elektrik.

Beliau berkata SOP sedia ada hanyalah untuk menghadapi banjir biasa yang memerlukan SOP baharu dirangka bagi membolehkan kerajaan lebih bersedia daripada semua aspek termasuk alat bersesuaian untuk menghadapi banjir besar.

"Jika dalam soal ini ATM (Angkatan Tentera Malaysia) menjadi agensi utama maka ia akan dibekalkan dengan peralatan yang bersesuaian untuk hadapi bencana ini dan dalam masa yang sama aspek ramalan kaji cuaca juga perlu lebih tepat dan awal supaya dapat memberikan maklumat awal.

"Apabila tahu awal, kami juga boleh menempatkan anggota seperti tentera, bomba dan agensi lain lebih awal supaya apabila air naik kami mempunyai kemampuan yang lebih besar," katanya dalam sidang media di Pusat Operasi Banjir Parlimen Pekan di Baitul Rahah di sini hari ini.

Turut hadir isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Perdana Menteri turut menyarankan pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) dibina di tempat lebih tinggi supaya tidak terjejas apabila berlaku banjir.

Beliau juga berkata sekumpulan pakar telah diarah untuk membuat kajian tentang punca sebenar berlakunya banjir luar biasa khususnya di negeri-negeri Pantai Timur.

Najib berkata kajian itu bagi membolehkan langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang diambil untuk mengelak banjir skala besar berulang.

"Kita nak tahu apa faktor yang menyebabkan banjir skala besar kali ini, apabila tahu punca barulah kita boleh tentukan bagaimana boleh mengolah pembangunan negara supaya ia tidak membawa kesan buruk kepada alam sehingga terjadi bencana seperti ini."

"Ia tidak semestinya berpunca daripada pembalakan atau penerokaan tanah sahaja, tetapi pelbagai faktor bertembung, sebab itu berlakunya banjir besar ini," katanya.

Pengurusan semasa dan pasca banjir kali ini, katanya telah dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu bantuan terhadap mangsa banjir, membersih sekolah serta kemudahan awam supaya dapat beroperasi seperti biasa selain tumpuan membina kembali kediaman yang musnah.

Najib berkata keutamaan pada masa kini adalah untuk membina rumah baharu untuk mangsa banjir yang kehilangan rumah dan mempunyai tanah sendiri manakala bagi mereka yang tinggal di kawasan setinggan akan dirujuk kepada kerajaan negeri untuk kawasan penempatan sesuai untuk mereka.

Dalam ucapannya pada majlis penyampaian sumbangan bantuan persekolahan daripada Yayasan Pahang kepada 260 pelajar di pusat pemindahan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Paloh Hinai di sini, Perdana Menteri berkata rakyat perlu mempunyai perspektif baharu dalam menghadapi bencana alam dengan turut bertanggungjawab bagi mengurangkan punca banjir melalui pematuhan undang-undang yang ditetapkan.

"Kita selalu tuding jari kepada kerajaan kalau ada kelemahan untuk tangani bencana ini, tetapi sebenarnya ia juga tanggungjawab bersama kerana sebagai rakyat kita perlu mematuhi undang-undang atau peraturan.

"Kalau sudah diluluskan kawasan untuk menebang dan membuka tanah pertanian kita perlu patuh pada undang-undang. Kalau kelulusan satu ekar (0.4 hektar), jangan buka satu ekar tambah empat. Yang empat ekar lagi jadi tanah haram," katanya.

Najib berkata begitu juga dengan kegiatan perlombongan dan penerokaan tanah untuk pertanian, perlu mematuhi garis panduan pembangunan secara mampan untuk mengelak kesan pencemaran alam itu terpalit kepada rakyat.

Bagaimanpun, katanya dalam musibah banjir yang melanda itu, beliau merasa lega apabila ia telah berjaya menyatukan semua lapisan rakyat di seluruh negara tanpa mengira bangsa serta agama apabila bantuan tidak putus-putus dihantar ke negeri-negeri yang terjejas dengan banjir.

Perdana Menteri turut mengingatkan mangsa banjir agar menitikberatkan soal kesihatan terutama aspek pemakanan.

"Saya sepatutnya datang buat lawatan lebih awal tetapi saya juga tergolong dalam mangsa banjir sebab terkena (jangkitan bakteria) e-coli ... tidak dapat keluar rumah. Pengalaman itu kalau boleh saya tak nak ulang balik."

"Sebab itu saya nak ingatkan, kalau nak minum, kena minum air yang bersih dan yang telah dimasak, begitu juga kalau nak makan kena pastikan bahan-bahan yang nak dimasak itu dibasuh dengan teliti," katanya.

-- BERNAMA



## **Malaysia Pandang Serius Ancaman Keganasan - Najib**

PEKAN, 10 Jan (Bernama) -- Malaysia memandang serius ancaman keganasan yang berlaku di beberapa negara luar pada masa kini dan mengambil langkah proaktif menanganinya termasuk menjalin kerjasama dengan negara lain, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, dengan kejadian terbaru serangan di pejabat majalah satira Charlie Hebdo, di Paris, Rabu lepas, soal keganasan tidak lagi boleh dihadapi secara bersendirian.

"Amat penting kita memperkuatkkan kerjasama antara negara yang mempunyai pendirian sama dalam hal ini termasuk perkongsian maklumat risikan dengan negara yang mempunyai pendirian yang sama.

"Jika kita tahu seseorang itu bakal menjadi pengganas, maka agensi penguat kuasa amat memerlukan maklumat itu supaya tindakan pencegahan perlu diambil sebelum sesuatu kejadian itu berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di pusat operasi banjir Parlimen Pekan di Baitul Rahah di sini hari ini selepas melawat pusat pemindahan banjir di IKBN Paloh Hinai dan beberapa buah kampung yang terjejas dengan banjir sekitar Pekan.

Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.**

Najib berkata selain memperkemaskan undang-undang sedia ada, satu akta baharu bagi mencegah ancaman keganasan dan kegiatan militan juga akan dibentangkan di Parlimen, Mac ini.

Beliau berkata langkah itu adalah untuk memberikan lebih kuasa undang-undang kepada pihak berkuasa untuk bertindak dan menjalankan langkah pencegahan terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang dipercayai terlibat dengan kegiatan tersebut.

Sebelum itu, Najib bersama Rosmah turut meluangkan masa menyertai gotong royong di Sekolah Kebangsaan (SK) Serambi sebelum menyampaikan bantuan banjir bagi misi bantuan banjir Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dalam bentuk beg dan kasut sekolah kepada kanak-kanak di kampung itu.

Najib kemudiannya melawat SK Padang Rumbia untuk melakukan aktiviti yang sama dan meninjau keadaan banjir di Kampung Lamir Pekan.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Sehingga Esok**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua yang berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Sabah dan Labuan ketika ini dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia**, keadaan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter berbahaya kepada semua aktiviti perkапalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

"Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut hari ini," menurut kenyataan itu hari ini.

Sementara itu, angin kencang dan laut bergelora kategori ketiga di perairan Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan juga dijangka berterusan sehingga esok.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 60 kilometer sejam (km/jam) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter itu juga berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkапalan termasuk pekerja di pelantar minyak.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **APMM Tingkat Risikan Di Miri Dan Lawas, 'Lokasi Panas' Penyeludupan Di Sarawak**

KUCHING, 9 Jan (Bernama) -- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Sarawak menekankan aspek risikan dalam usaha membanteras gejala penyeludupan dengan lebih berkesan.

Ketua Penguat kuasa APMM Wilayah Sarawak, Laksamana Pertama Maritim Ismaili Bujang Pit berkata strategi risikan ternyata lebih banyak membawa hasil dalam membanteras kegiatan itu.

Beliau berkata dalam beberapa kejayaan sebelum ini, pegawai penguat kuasa akan menyamar sebagai pemancing untuk mengintip bot-bot yang mencurigakan dan penyeludup akan dicekup semasa mereka leka memunggah barang.

Katanya strategi itu membawa kejayaan di beberapa tempat yang dikenal pasti sebagai 'tempat panas' di Sarawak iaitu sekitar Lawas dan Miri, yang membabitkan penyeludupan barang-barang seperti rokok dan arak.

"Contoh di sekitar Lawas, penyeludup biasanya akan menyusup masuk melalui sungai, dan di sini kita tempatkan pegawai yang menyamar sebagai pemancing. Di Miri pula kita bekerjasama dengan banyak pihak, termasuk kalangan nelayan tempatan dan juga maklumat risikan daripada APMM Labuan," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di sini Jumaat.

Sementara itu, ditanya mengenai rondaan APMM semasa keadaan laut bergelora dengan angin kencang ketika ini, Ismaili berkata dalam setiap keadaan, pihaknya tidak pernah berkompromi dalam melaksanakan tugas meronda kawasan perairan yang diamanahkan.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** sejak semalam mengeluarkan amaran angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam (kmsj) serta laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter, di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Tioman, Bunguran, Kuching (Sarawak), Labuan dan Sulu, yang dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Ismaili berkata Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan pihaknya adalah setiap masa perlu ada enam kapal APMM sama ada bagi tujuan meronda atau bersiap sedia untuk digerakkan ke mana-mana sahaja bagi menjayakan tugas dan tanggungjawab.

Malah, menurutnya pada 31 Dis tahun lepas semasa orang ramai menyambut ketibaan tahun baharu, pihaknya menahan dua bot nelayan dari Vietnam kira-kira 24.6 batu nautika dari Tanjung Sipang dekat sini yang didapati menangkap ikan secara haram di perairan negara, dan menahan dua kapten serta 25 anak kapal bagi membantu siasatan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **Pelan Jangka Sederhana, Panjang Tangani Banjir Dimuktamad Dalam RMK-11 - Ahmad Maslan**

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Pelan jangka sederhana dan panjang untuk menangani masalah banjir akan dimuktamadkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata pelan itu yang dijangka siap dalam tempoh terdekat, akan dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Jun ini.

Ahmad berkata demikian kepada pemberita selepas melepaskan kumpulan sukarelawan daripada sembilan agensi di bawah Kementerian Kewangan bagi menyalurkan bantuan pasca banjir kepada mangsa di Kuala Krai dan Tanah Merah, Kelantan di sini Jumaat.

Semalam, Ahmad memaklumkan kerajaan memperuntukkan lebih RM1 bilion untuk melaksanakan pelbagai projek termasuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bagi mengatasi bencana banjir di seluruh negara.

Beliau berkata dalam Bajet 2015, kerajaan memperuntukkan RM893.2juta bagi projek RTB, mencegah hakisan pantai (RM87.4 juta), mengorek kuala sungai (RM40.5 juta) dan pemulihan empangan (RM49.6 juta).

Bagi kawalan isyarat bahaya banjir, penggantian peralatan pam dan peningkatan pintu kawalan saliran air, sebanyak RM19.5 juta diperuntukkan manakala bagi mempertingkat sistem ramalan kaji cuaca, sebanyak RM12 juta diperuntukkan kepada **Jabatan Meteorologi**, katanya.

"Peruntukan lebih RM1 bilion tidak termasuk segala peruntukan yang diumumkan oleh perdana menteri, termasuk RM500 juta, yang ini ialah peruntukan yang kita perakukan daripada jabatan-jabatan berkaitan khasnya Jabatan Pengairan dan Saliran," kata Ahmad.

Mengulas mengenai program penghantaran sukarelawan itu, Ahmad berkata program dua hari itu melibatkan 528 pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

"Penglibatan secara langsung beliau (Mohd Irwan Serigar) merupakan satu kepimpinan melalui teladan yang baik untuk memberi semangat kepada anak-anak buah.

"Apabila kumpulan ini balik pada Ahad, saya akan sambung bantuan banjir di Lipis dan Gua Musang dengan 50 lagi sukarelawan," katanya.

Ahmad turut menyarankan agar lebih ramai sukarelawan tampil untuk membersihkan rumah individu dan pusat-pusat awam seperti masjid, surau, klinik dan sekolah, yang bakal dibuka pada Ahad dan Isnin depan.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **Gempa Bumi Sederhana Di Sumatera Utara, Indonesia**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter berlaku di Sumatera Utara, Indonesia pada 6.59 pagi hari ini, menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Menurutnya gempa bumi itu berpusat di 2.6 utara dan 96 timur, 25km tenggara Simeulue, Indonesia dan 541km barat daya Lumut, Perak.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami dilaporkan, menurutnya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **Niaga Hadapan MSM Dalam Dagangan Aktif Minggu Depan**

**Oleh Nurunnasihah Ahmad Rashid**

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) diunjur diniagakan secara aktif minggu depan berikutan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dijangka melaporkan data eksport dan pengeluaran yang positif pada Isnin.

"Musim tengkujuh berterusan bukan sahaja memperlakukan pengeluaran MSM tetapi turut menjelaskan rangkaian pemprosesan secara keseluruhan," kata Pedagang Kanan Minyak Sawit Interband Group of Companies kepada Bernama.

**Jabatan Meteorologi** meramalkan hujan lebat di Pahang dan Johor, yang merupakan pengeluar MSM utama di Malaysia.

Beliau berkata paras sokongan dijangka antara RM2,280 dan RM2,360 setan.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, Januari 2015 meningkat RM44 kepada RM2,359, Februari naik RM56 kepada RM2,358, Mac menokok RM65 kepada RM2,348 dan April 2015 melonjak RM57 kepada RM2,326 setan.

Jumlah dagangan minggu ini sebanyak 212,399 lot, susut daripada 196,408 lot pada minggu sebelumnya, manakala kepentingan terbuka naik kepada 40,857 kontrak pada Jumaat daripada 35,311 kontrak yang dicatatkan sebelum ini.

Di pasaran fizikal, Januari Selatan ditutup RM50 lebih tinggi kepada RM2,360 setan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **Polis Kesan Daun Khat Kini Diseludup Ke Malaysia**



KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Polis mengesan dadah organik sejenis daun dinamakan Khat, yang digunakan masyarakat Timur Tengah dengan cara mengunyaunya kini mula diseludup ke negara ini secara besar-besaran.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim berkata dadah berkenaan dibawa masuk melalui syarikat kiriman barang dan sindiket dadah memalsukan dokumentasi penghantaran daun itu dengan mengisyiharkannya sebagai daun teh dan daun inai.

Beliau berkata hasil siasatan **Jabatan Kimia** mendapati daun berkenaan mengandungi dadah jenis Cathinone iaitu bahan, yang mengkhayalkan seperti ephedrine dan amphetamine.

"Ia dadah baharu yang diseludup masuk ke Malaysia untuk kegunaan masyarakat Timur Tengah di sini dan mereka mengunyaunya untuk khayal. Kita khuatir jika tidak dibendung ia akan merebak dan digunakan oleh penagih tempatan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Katanya pendedahan itu dibuat berdasarkan maklumat awam dan tindakan operasi serbuan pasukan Narkotik Polis Bukit Aman di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Rabu lepas dan di sekitar Selangor serta ibu negara, semalam.

Dalam dua serbuan itu polis menahan empat lelaki, iaitu dua warga tempatan, seorang dan seorang warganegara Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Kesemua mereka berusia antara 19 dan 54 tahun dan kini ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh membawa hukuman mati mandatori.

Noor Rashid berkata polis turut merampas 10 kotak, yang mengandungi daun tersebut seberat 90.78 kilogram dianggarkan bernilai RM50,000. Daun itu diseludup dari Uganda, Afrika.

"Siasatan awal polis mendapati lelaki Yemen telah memasuki negara ini menggunakan pas pelawat beberapa minggu lepas manakala lelaki warga UAE itu merupakan pelajar kolej swasta di ibu negara," katanya.

Polis juga percaya terdapat warga tempatan yang bersubahat dalam penyeludupan dadah itu.

Beliau memberi jaminan pemantauan dan risikan akan sentiasa dijalankan bagi membendung penyeludupan dadah tersebut.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 10 JANUARI 2015 (SABTU)**



## **Mahkamah Persekutuan Akan Keluar Notis Keputusan Rayuan Kes Liwat Anwar**

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan akan mengeluarkan notis kepada pihak pendakwaan dan pembelaan tidak lama lagi berhubung tarikh keputusan mahkamah tertinggi itu berhubung rayuan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria.

Katanya beliau tidak dapat menyatakan bila notis itu akan dikeluarkan tetapi menyatakan ia (notis) akan dikeluarkan dua minggu sebelum tarikh penghakiman.

"Kami akan mengeluarkan notis dua minggu sebelumnya dan bukannya dua minggu dari hari ini. Inilah sahaja yang dapat saya beritahu anda," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Tahun Undang-Undang 2015 di sini, hari ini.

Ditanya sama ada notis itu akan dikeluarkan sebelum Tahun Baharu Cina, beliau enggan mengulas dan hanya berkata mahkamah masih berada dalam tempoh tiga bulan iaitu amalan standard yang ditetapkan untuk menyiapkan penghakiman itu.

Mahkamah Persekutuan menangguhkan keputusannya berhubung rayuan Penasihat PKR itu selepas mendengar hujahan daripada pihak pendakwaan dan pembelaan yang berlangsung selama seminggu pada November tahun lepas.

Arifin mempengerusikan panel lima hakim bersama-sama Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dan tiga Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Abdull Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar dan Datuk Ramly Ali mendengar rayuan itu.

Pihak pendakwaan turut mengemukakan rayuan balas untuk menambah tempoh hukuman penjara Anwar. Bagaimanapun perkara itu hanya akan didengar sekiranya Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuan mendapati Anwar, 67, bersalah terhadap pertuduhan meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan, 27, di Unit 11-5-1, Kondominium Desa Damansara di Jalan Setiakasih, Bukit Damansara, Kuala Lumpur antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun, 2008.

Pada 9 Jan, 2012, Mahkamah Tinggi membebaskan dan melepaskan Anwar daripada pertuduhan itu atas alasan mahkamah tidak mempunyai keyakinan 100 peratus terhadap integriti sampel yang diambil daripada mangsa untuk ujian DNA.

Mahkamah memutuskan bahawa sampel itu mungkin telah diusik sebelum sampai ke **Jabatan Kimia** untuk analisis.

Bagaimanapun, Mahkamah Rayuan dalam mensabitkan Anwar terhadap pertuduhan liwat itu, memutuskan hakim telah terkhilaf dalam dapatannya berhubung sampel itu yang dibuat berdasarkan keterangan dua pakar yang merupakan saksi pihak pembelaan.